




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

5 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 554 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 220,775 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Ranau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 482 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 209,432 orang. Manakala 1,887 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 760 orang di hospital, 1,115 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 12 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 77 orang merangkumi 74 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 88 (41.31%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Merah 23 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes bagi Sabah turun (-101) kes hari ini berbanding jumlah semalam. Jumlah kes terbaru ialah (554) kes.
- b. Lebih banyak daerah mencatatkan penurunan kes daripada daerah yang mencatatkan pertambahan kes. Kota Kinabalu merekodkan pertambahan kecil dan daerah yang mencatat jumlah kes paling tinggi (76) kes di Sabah hari ini. Walau bagaimanapun (72) daripada kes tersebut adalah kes-kes daftar lewat antara 2 hingga 3 hari selepas keputusan saringan diketahui dan empat (4) kes lagi melebihi 3 hari. Bagi keseluruhan negeri Sabah (303) kes atau 54.7% adalah kes yang berlaku dan didaftar dalam tempoh 24 jam yang lalu.
- c. Lebih daripada 97% daripada (554) kes hari adalah kes-kes yang dianggap 'kes ringan' yang tidak memerlukan rawatan di hospital, 101 orang dalam Kategori 1 dan 438 orang dalam Kategori 2. Mereka dalam Kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5 kekal rendah; Kategori 3, empat (4) orang, Kategori 4, dua (2) orang dan Kategori 5, juga dua (2) orang. Sebanyak tujuh (7) kes lagi masih dalam siasatan lanjut JKNS.
- d. Sabah telah layak beralih ke Fasa 4, Pelan Pemulihan Negara berkuatkuasa Isnin, 8 November 2021.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (325) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	18	3.25%
2	Bergejala	174	31.41%
3	Kontak	325	58.66%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	37	6.67%
JUMLAH		554	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (04 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 04/11/2021	Catatan Kes 05/11/2021	Perbandingan
1	Kota Belud	44	59	+15
2	Tambunan	19	32	+13
3	Kinabatangan	6	18	+12
4	Papar	18	27	+9
5	Kota Kinabalu	69	76	+7
6	Kunak	0	3	+3
7	Sipitang	8	9	+1
8	Tenom	19	19	Mendatar
9	Beluran	13	13	Mendatar
10	Tongod	0	0	Mendatar
11	Kalabakan	0	0	Mendatar
12	Beaufort	46	17	-29
13	Kota Marudu	40	24	-16
14	Pitas	33	18	-15
15	Ranau	71	58	-13
16	Lahad Datu	26	13	-13
17	Tuaran	59	47	-12
18	Kudat	27	15	-12
19	Putatan	32	21	-11
20	Penampang	41	32	-9
21	Keningau	23	15	-8
22	Telupid	12	5	-7
23	Tawau	19	13	-6
24	Sandakan	10	6	-4
25	Kuala Penyu	10	8	-2
26	Semporna	5	3	-2
27	Nabawan	5	3	-2
JUMLAH		655	554	-101

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (22 Oktober – 04 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	39	28	0	9	76	844
Kota Belud	0	37	22	0	0	59	716
Ranau	0	34	18	0	6	58	694
Tuaran	0	36	10	0	1	47	451
Penampang	0	22	9	0	1	32	347
Tambunan	0	26	6	0	0	32	286
Papar	0	10	16		1	27	307
Kota Marudu	0	19	5	0	0	24	520
Putatan	0	14	6	0	1	21	167
Tenom	0	14	3	0	2	19	373
Pitas	0	10	7	0	1	18	239
Kinabatangan	18	0	0	0	0	18	287
Beaufort	0	11	6	0	0	17	514
Kudat	0	3	9	0	3	15	272
Keningau	0	5	10	0	0	15	350
Lahad Datu	0	2	3	0	8	13	238
Tawau	0	9	3	0	1	13	208
Beluran	0	12	1	0	0	13	151
Sipitang	0	7	2	0	0	9	149
Kuala Penyu	0	6	2	0	0	8	70
Sandakan	0	3	2	0	1	6	177
Telupid	0	2	2	0	1	5	126
Nabawan	0	3	0	0	0	3	61
Semporna	0	0	2	0	1	3	38
Kunak	0	1	2	0	0	3	35
Tongod	0	0	0	0	0	0	31
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	13
JUMLAH	18	325	174	0	37	554	7,664

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Sawit Jati	18
Jumlah		18

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,075 unit

- Hospital 1,798 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,807 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 31.06%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 5 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	544
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
Jumlah	554

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
United Kingdom	1
Pakistan	1
Jumlah	2

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	523
Bukan Malaysia	31
Jumlah	554

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	118
Belum Menerima Vaksin	66
Menerima 1 Dos	5
Lengkap 2 Dos	365
Jumlah	554

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	54
6 to 11	60
12 to 17	33
18 to 25	76
26 to 59	268
>60	59
Jumlah	554

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 4 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 11,816 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,069 orang adalah penduduk dewasa dan 3,747 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 4 November 2021 adalah seramai 2,428,936 orang. Ini meliputi 2,098,987 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.09% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,350,852 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,063,067 orang atau 74.79% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 329,949 orang atau 76.03% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 287,785 atau 66.31% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **669,994** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,409 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 50 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 54 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Empat (4) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 38 Orang : Individu Gagal Menjaga Penjarakan Fizikal
 - Dua (2) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi
 - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Melaksanakan Penjarakan Fizikal

- Sembilan (9) Orang : Lain-lain Kesalahan Tidak Tersenarai

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 116 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 986 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama/nombor telefon dalam buku pendaftaran. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 166 premis perniagaan dan 222 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 336 Premis Perniagaan melibatkan 183 anggota APM. Satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 147 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 39 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 88 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **98.4%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tuaran	98.5%
2	Kunak	98.5%
3	Beaufort	98.5%
4	Lahad Datu	98.5%
5	Kinabatangan	98.5%
6	Tawau	98.5%
7	Ranau	98.5%
8	Semporna	98.5%
9	Sipitang	98.5%
10	Penampang	98.5%
11	Beluran	98.5%
12	Tenom	98.5%
13	Kota Kinabalu	98.5%
14	Sandakan	98.5%
15	Keningau	98.5%
16	Papar	98%
17	Kota Marudu	98%
18	Kudat	98%
19	Kota Belud	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II